

Silat akan di persembah dalam bentuk unik

Oleh HANIM MOHD SALEH
- 2 MAR 1988

KEINDAHAN pencak silat sebagai satu cabang seni akan disajikan sebagai salah satu acara utama pembukaan Pesta Seni di Pusat Marina pada 28 Mei ini.

Untuk membolehkan lebih daripada 100,000 orang penonton yang dijangka hadir menikmati kesenian tersebut, persembahan itu akan dilakukan melalui teknik yang sofistikated.

Setiap gerak langkah para pesilat akan dapat dilihat dalam bentuk pergerakan bayang-bayang yang dipancarkan ke arah kain putih setinggi 10 hingga 12 tingkat flat dengan iringan muzik yang dicipta khas.

Begitulah konsep persembahan unik yang sedang dirancang oleh perancang pesta tersebut, Cik Marilyn Wood, bagi melahirkan suasana yang penuh kesenian dengan latarbelakang pemandangan sekitar-an Pusat Marina.

Cik Wood, seorang pakar perayaan dari Amerika Syarikat yang diundang oleh Kementerian Pembangunan Masyarakat (MCD) untuk menghangatkan suasana perayaan Pesta Seni ketujuh tahun ini, mengatakan bahawa beliau memilih seni silat kerana keistimewaan yang terdapat dalam seni mempertahankan diri Melayu itu.

Ketika ditemui di Rumah Silat di Kallang, baru-baru ini, Cik Wood yang sebelum ini belum pernah menyaksikan kesenian silat berkata:

"Saya dapat rasakan, setiap pergerakan seni silat mempunyai pengertian dan fungsinya. Kalau ia dipersembahkan di atas pentas biasa, kesannya kepada penonton mungkin kurang.

"Lagipun, persembahan itu

nanti, harus menarik perhatian semua golongan masyarakat yang datang ke sana."

Inilah kali pertama silat diberi peranan penting dalam pesta yang disambut untuk dekad yang kedua ini.

Persembahannya dijangka ditempatkan di luar pusat membeli-belah Tokyu.

Menurut Cik Wood, beliau akan cuba menghidupkan budaya berbilang bangsa Singapura dalam bentuk persembahan kontemporari — berbeza dengan cara yang lumrah ditunjukkan sebelum ini.

Beliau pernah merancang pesta-pesta kota di Hongkong, Tokyo, London, Caracas dan Edmonton serta kota-kota di India dan Indonesia.

Sementara itu, Penolong Pengerah Pusat Muzik Universiti Nasional Singapura (NUS), Encik Joseph Peters, akan berganding tenaga dengan Cik Wood untuk menggubah lagu-lagu yang bakal mengiringi acara-acara yang telah disusun bagi hari pembukaan pesta tersebut.

Sejak berada di sini lebih seminggu lalu, Cik Wood dan Encik Peters telah mengelilingi bandar dan menyaksikan pelbagai pertunjukan budaya untuk merancang acara pembukaan dua jam yang dijangka menelan belanja \$250,000.

Selain daripada silat, beberapa acara lain yang dirancang ialah pertunjukan bunga api, tarian di atas bangunan pencakar langit dan pancaran laser.